

Bawa pulang 78 rakyat di Wuhan

Kerajaan cadang bawa pulang 78 rakyat Malaysia yang terkandas di Wuhan, China

PUTRAJAYA

Kerajaan bercadang untuk membawa pulang 78 rakyat Malaysia yang terkandas di Wuhan, China berikutan wabak koronavirus.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengadakan perbincangan dengan China bagi membolehkan pesawat Malaysia memasuki kawasan berkenaan.

“Kita baru buat keputusan dan akan berbincang



Dr Mahathir bercakap kepada pemberita pada sidang media di Putrajaya semalam.

dengan China.

“Jika didapati positif koronavirus atau berada lebih lama di wilayah itu, kita akan kuarantinkan mereka di hospital sebelum dibenarkan pulang ke rumah,” katanya pada sidang media selepas memengerusikan Mesyuarat Kabinet di sini semalam.

Menurutnya, rakyat Malaysia di wilayah Hubei

didapati kekurangan makanan dan keperluan.

“Setakat ini, bekalan yang ada pada mereka dapat menampung sehingga empat hari sahaja,” katanya.

Selain membawa pulang rakyat yang berada di sana, Dr Mahathir berkata, kerajaan bersedia menyumbang bekalan makanan dan keperluan ke-

Kerajaan akan ambil tindakan terhadap penyebar berita palsu

PUTRAJAYA - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang menyebarkan berita palsu mengenai koronavirus.

“Kerajaan akan ambil tindakan terhadap pihak yang cuba mereka-reka berita palsu untuk menakutkan dan timbulkan perasan benci,” katanya di sini semalam.

Beliau berkata, kebebasan bersuara yang diamalkan di negara ini tidak bermakna boleh melakukannya sesuka hati.

“Kita tidak akan bertoleransi ter-

hadap perbuatan yang cuba menipu dengan memberi maklumat salah terhadap perkara ini,” katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, bukan dasar kerajaan menghalang pelancong bukan Islam daripada mengunjungi lokasi tumpuan pelancong termasuk masjid.

“Tiada tempat yang tidak boleh dilawati pelancong,” katanya.

Ahad lalu, Masjid Putra di sini mengambil langkah menutup lawatan bagi pengunjung bukan Islam susulan kebimbangan penyebaran koronavirus.

Masjid itu hanya dibuka kepada Muslim untuk menunaikan solat.

pada China untuk disalurkan ke wilayah yang terjejas koronavirus.

“Kalau mereka benarkan pesawat kita masuk, kita akan bawa masuk bekalan makanan dan to-peng muka serta sarung

tangan,” katanya.

Difahamkan, rakyat Malaysia yang didapati mempunyai simptom akan ditempatkan di wad isolasi di hospital rujukan yang mengendalikan kes disyaki (PUI) dan sah

bagi *novel coronavirus* 2019 (2019-nCoV).

Bagi mereka yang tidak mempunyai sebarang simptom dan disahkan sihat pula akan diletakkan di bawah pemantauan di rumah selama 14 hari.